

15/10/1997

Khazanah labur RM7.5b dalam industri elektronik

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar

KHAZANAH Nasional Bhd (Khazanah) membuat sebahagian daripadapelaburan kira-kira AS\$2.5 bilion (RM7.5 bilion) untuk tiga projek dalam industri elektronik canggih dan berteknologi di negara ini yang berorientasikan eksport dan dijangka menyumbang kepada imbalan pembayaran negara apabila semuanya beroperasi menjelang akhir 1999.

Ini termasuk projek sulung negara bagi memfabrikasikan wafer bernilai AS\$830 juta (RM2.49 bilion) iaitu usaha samanya dengan Atmel Corporation (Atmel) dari Amerika Syarikat untuk ditempatkan di Taman Teknologi Tinggi Kulim di Kedah.

Majlis menandatangani perjanjian usaha sama di antara Khazanah dan Amtel bagi tujuan itu diadakan di Kuala Lumpur semalam yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Timbalan Pengerusi Khazanah bagi pihak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khamis ini pula, Khazanah bersama beberapa rakan kongsi tempatan lain akan menandatangani satu lagi usaha sama iaitu membabitkan syarikat dari Lembah Silikon, VLSI Technology Inc untuk menubuhkan kemudahan pelaburan fabrikasi wafer.

Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif Khazanah, Tan Sri Mohd Sheriff Kassim, berkata semua projek itu nanti akan berupaya memenuhi keperluan tempatan dan dengan itu mengurangkan pergantungan keterlaluan terhadap import komponen industri elektronik.

"Selain memberi kesan positif ke atas ekonomi negara, projek ini juga akan memberi faedah strategik bagi pertumbuhan masa depan industri elektronik," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian itu.

Amtel diwakili Presiden merangkap Ketua Eksekutifnya, George Perlegos. Hadir sama Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Khazanah, Tan Sri Abdul Rashid Hussain.

Sebelum ini, Khazanah menandatangani perjanjian dengan MEMC Electronic Materials Inc (MEMC Electronic) dari Amerika Syarikat bagi membangunkan projek bernilai RM625 juta (25 peratus ekuiti Khazanah) untuk menghasilkan wafer silikon 200mm iaitu komponen utama industri fabrikasi wafer. Semua tiga projek itu ditempatkan di Kedah.

MEMC ialah pengeluar wafer silikon kedua terbesar di dunia dan menguasai kira-kira 23 peratus pasaran dunia, manakala di luar Jepun lebih 30 peratus. MEMC juga mempunyai kilang pengeluar wafer silikon di Itali, Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Amerika Syarikat dan dijangka memasuki China tidak lama lagi.

Mengenai projek dengan Amtel itu, Mohd Sheriff berkata kerja awal tapak akan bermula Februari depan dan dijangka siap 18 bulan kemudian. Ia berupaya mengeluarkan 7,000 unit wafer seminggu dan memberi pendapatan AS\$400 juta (RM1.2 bilion) setahun selepas beroperasi sepenuhnya.

Beliau berkata, pihaknya memegang 40 ekuiti dalam usaha sama itu manakala 60 peratus lagi pegangan Amtel. Daripada AS\$830 juta (RM2.49 bilion) kos awal projek itu, AS\$275 (RM825 juta) akan dibiayai melalui kecairan. Amtel bukan sahaja membekalkan kepakaran untuk projek ini, malah jaminan beli balik produk bagi tempoh 10 tahun untuk eksport di Asia serta negara lain di Eropah dan Amerika Syarikat.

"Sebenarnya, apabila projek itu beroperasi dalam empat atau lima tahun, ia sudah berupaya menarik dananya sendiri. Maka pelan pembesaran nanti boleh dibiayai melalui dana dalaman tetapi buat permulaan sekarang, kita

menyuntik dana melalui kecairan serta pinjaman," katanya.

Katanya, Khazanah berbangga untuk bekerjasama dengan Amtel yang sudah mempunyai kilang fabrikasi wafer di Amerika Syarikat dan Perancis dan Khazanah berminat untuk menjadi sebahagian perancangan Amtel memperluaskan kegiatan di rantau ini.

(END)